Bab 7 Membina Kesejahteraan Negara

Latihan Pengukuhan

1. Tulis **"B"** bagi kenyataan yang betul dan **"S"** untuk kenyataan yang salah. Bagi kenyataan yang salah, nyatakan pembetulan pada ruangan yang disediakan.

"Laporan Rahman Talib, Kajian Aminuddin Baki, Laporan Jawatankuasa Kabinet"		
Kenyataan	"B" / "S"	Pembetulan
a) Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan. Penggunaan bahasa yang seragam dapat **merenggangkan** perpaduan.		
b) Mengadakan kurikulum yang **sama** dan beroerientasikan negara kita bagi semua jenis sekolah. Kurikulum yang berorientasikan negara mewujudkan perasaan cinta akan negara.		
c) Penekanan kepada mata pelajaran **Bahasa Inggeris** untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara.		
d) Mewajibkan mata pelajaran **Tatarakyat** untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum.		
e) Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan untuk menampung pelajar yang **gagal** memasuki sekolah menengah akademik.		
f) Memperkenalkan kursus **teori** untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang melibatkan pelbagai kaum serta persediaan memenuhi permintaan pasaran kerja.		
g) Mewujudkan sekolah **vernakular** yang menggabungkan semua kaum untuk memupuk perpaduan.		
h) Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dijadikan mata pelajaran wajib dalam peperiksaan **sekolah.**		
i) Penegasan kepada Pendidikan kerohanian melalui mata pelajaran **Pendidikan Islam** dan Pendidikan Moral.		
j) Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua kaum seperti **pasukan keselamatan**, sukan dan permainan serta persatuan		

LIVEWORKSHEETS

2. Dengan merujuk kepada maklumat yang diberikan, pilih dan padankan kenyataan yang betul.

Suatu falsafah yang digubal pada **1988** untuk memperteguhkan hala tuju dan matlamat Pendidikan negara ke arah perpaduan.	
Jawatankuasa yang dibentuk pada tahun **1974** yang berfungsi untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.	
Satu kajian dilaksanakan untuk **menambah baik** Laporan Rahman Talib dan kajian ini memperkenalkan kursus kemahiran.	
Dibentuk untuk **memupuk perpaduan** kaum dan dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.	
Sebuah jawatankuasa yang dibentuk pada tahun **1960** untuk menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.	

- Kajian Aminuddin Baki
- Laporan Rahman Talib
- Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- Laporan Jawatankuasa Kabinet

LIVEWORKSHEETS